

25 JUL 1998

Komanwel-Olahraga

KOAM AMBIL ALIH PENGELOLAAN ACARA OLAHRAGA

Oleh: Ahmad Shukran Saharuddin

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) hari ini mengumumkan mereka akan mengambil alih pengelolaan dan urusan mengenai olahraga dengan serta merta dari Sukom Ninety Eight Berhad untuk Sukan Komanwel ke-16, September ini.

Menurut Setiausaha KOAM, Karim Ibrahim, keputusan ini mengambil kira gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang mahu segala kesilapan ketika menganjurkan Pra-Sukan baru-baru ini diperbetulkan.

"Apa yang penting ialah menjayakan temasya sukan terbesar ini sebaik mungkin," kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

"Keputusan ini dicapai selepas perjumpaan post-mortem pra-Sukan Komanwel bagi acara olahraga antara KOAM dan penganjur yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Operasi Sukom Ninety Eight Berhad, Nashatar Singh," kata Karim lagi.

"Apa yang memeranjatkan ialah cadangan mengambil alih pengelolaan itu diajukan oleh Nashatar sendiri sebelum kami mengusulkannya pada perjumpaan itu," kata beliau.

Selepas ini KOAM akan mengambil alih segala bentuk pengurusan menganjurkan acara olahraga dengan dibantu oleh Sukom yang pada dasarnya bersetuju pengambil alihan tersebut, kata beliau.

Pengurus gelanggang, A.Vegiyathuman, dari Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan dan pengurus sukan S.Solomon kini akan berada dibawah arahan presiden KOAM, Datuk Khalid Yunus.

"Kita tidak mahu dua orang menjalankan satu kerja. KOAM akan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan menganjurkan acara olahraga itu nanti," kata Karim lagi.

KOAM akan mengeluarkan arahan mengenai apa yang sepatutnya dibuat dan apa yang sepatutnya tidak dilakukan," tambahnya sambil menyatakan mesti ada ketelusan dalam menjayakan sesuatu program.

"Walaupun Sukom menyerahkan kuasa menguruskan olahraga itu agak lewat, 48 hari sebelum temasya ini bermula, kami tetap yakin dapat menganjurkannya sebaik mungkin berdasarkan pengalaman yang ada," kata Karim lagi.

Beliau juga menegaskan KOAM mampu menjalankan tanggungjawab berat tersebut dengan syarat tidak ada lagi gangguan dari sesiapaupun.

"Kami akan menentukan semua keputusan tanpa perlu lagi merujuk kepada sesiapa," tambah Karim lagi.

Dengan pengambilalihan yang berkuat kuasa serta-merta itu KOAM akan beroperasi di Stadium Nasional di Bukit Jalil yang menjadi medan pertempuran atlit olahraga dan akan meminta bantuan dari Sukom jika masih terdapat sebarang masalah dari segi keperluan. .

Pada Pra-Komanwel yang lalu di mana KOAM bersama-sama Sukom telah bekerjasama menganjurkannya, Karim menegaskan terdapat kelemahan dari segi koordinasi dan tiada ketelusan.

Sementara itu KOAM akan menyerahkan senarai nama atlit dan pegawai yang dicadangkan pada Sukan Komanwel nanti kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Isnin ini. -- BERNAMA

SHS ZB